

# UMP buka peluang dalam bidang keusahawanan

(UTUSAN CERITELLO KAMPUS) TINJUK (7/10/15) m/s 22

Oleh SHAHRINNAHAR LATIB  
nahar.latib@utusan.com.my

**KUANTAN 6 Okt.** - Program keusahawanan merupakan antara platform terbaik kepada penuntut institusi pengajian tinggi menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam bidang itu sebelum melangkah melangkah ke dunia perniagaan sebenar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Mohammad Fakhruddin Mohd. Arif berkata, menerusi penganjuran program keusahawanan di peringkat institusi pengajian tinggi, peserta iaitu kalangan pelajar dapat menimba pengalaman dan bertukar-tukar idea serta pandangan.

"Manfaat diperoleh daripada program ini cukup banyak dan penganjuran seperti ini boleh dis-

fatkam sebagai pusat sehenti yang membolehkan mahasiswa mendapatkan maklumat tentang keusahawanan," katanya ketika merasmikan Karnival Keusahawanan Technopreneurship dan Social Enterprise di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini semalam.

Yang hadir sama Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Prof. Dr. Zulkefli Yaacob dan Pengarah Pusat Keusahawanan universiti itu, Prof. Dr. Noor Azlinna Azizan.

Menurut Mohammad Fakhrudin, sebuah universiti menerusi pusat keusahawanan perlu bergerak seiring dalam melahirkan graduan yang mampu menjadi usahawan berjaya pada masa akan datang.

"Pelajar merupakan individu bertuah kerana mendapat ilmu

keusahawanan semasa dalam pengajian, sehubungan itu manfaatkan peluang yang diberi ini untuk sama-sama memupuk minat dan membudayakan keusahawanan di kampus," katanya.

Sementara itu, Zulkefli berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan keusahawanan secara praktikal kepada mahasiswa melalui karnival jualan.

Katanya, seramai 100 penyertaan mahasiswa yang mengambil subjek technopreneurship terlibat dalam aktiviti jualan sepanjang karnival tersebut berlangsung.

"Selain jualan, pengunjung turut berpeluang menyertai aktiviti seperti sesi penerangan peluang keusahawanan dan skim usahawan permulaan bumiputera sepanjang karnival ini berlangsung," katanya.



MOHAMMAD FAKHRUDDIN MOHD. ARIF (kanan) melawat pameran sempena Karnival Keusahawanan Technopreneurship dan Social Enterprise di UMP, Kuantan, Pahang, kelmarin. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN